



PANDUAN PEMARKAHAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

TASAWWUR ISLAM

BAHAGIAN A

SOALAN	JAWAPAN
1	Iman
2	Rabbaniyyah
3	Qazaf
4	Sistematik
5	Ikhlas
6	Zuriat
7	Syura
8	Kolektif
9	Alam Musyahadah / Musyahadah
10	Alam ghaib / Ghaib
11	Pencegahan / Pemulihan
12	Pemulihan / Pencegahan
13	Direjam sampai mati
14	Disebat 100 kali
15	Majlis syura / Khalifah / Wilayah / Rakyat / Undang-undang / Badan kehakiman
16	Majlis syura / Khalifah / Wilayah / Rakyat / Undang-undang / Badan kehakiman
17	×
18	✓
19	×
20	✓

BAHAGIAN B

No. Soalan		Jawapan	Markah
1	(a)	Dua rukun Iman yang termaktub dalam hadis Jibrail ialah : - Beriman kepada Allah - Beriman kepada Malaikat - Beriman kepada Rasul - Beriman kepada Kitab - Beriman kepada Hari kiamat - Beriman kepada Qada dan Qadar	2 isi x 1m 2 markah
	(b)	(i) Mengapakah ajaran sesat masih berleluasa dalam negara kita? Kurang didikan agama (1m) kerana tiada penekanan daripada ibubapa sejak kecil (1m). Cadangan jawapan : - Terpengaruh dengan rakan sebaya yang negatif - Taksub dengan pemimpin - Mengejar kemewahan dan kesenangan dunia Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 1m 2 markah
		(ii) Dua ajaran sesat yang wujud di Malaysia - Syiah - Muktaizillah - Ajaran Ayah Pin - Nabi Kahar - Bahai Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 1m 2 markah
		(iii) Bagaimana cara mengatasi masalah ajaran sesat dalam kalangan masyarakat hari ini? Huraikan pendapat anda. Cadangan jawapan : Mendalami ilmu agama (1m) seperti menghadiri majlis ilmu (1m). Kesannya lebih mengenali perkara baik dan buruk dalam kehidupan (1m).	4 isi x 1m 4 markah

		Oleh itu, kita hendaklah menjauhkan diri daripada perkara yang menyesatkan agar hidup diberkati. (1m) Cadangan isi: - Mendekati para ulama - Mengadakan ceramah agama berterusan Mana-mana jawapan munasabah diterima	
(c)	(i)	Dua asas sistem ekonomi Islam. - Mengiktiraf pemilikan harta individu - Mengelola harta yang dimiliki menurut syarak - Mengagihkan harta dalam kalangan masyarakat dengan adil	2 isi x 1m 2 markah
	(ii)	Empat prinsip asas Sistem Ekonomi Islam. - Akidah, syariah dan akhlak Islam sebagai teras - Manusia sebagai khalifah - Pekerjaan dan ganjaran - Keuntungan dan kerugian - Keadilan sosial - Larangan kerosakan dan kezaliman	4 isi x 1m 4 markah
(d)		Dua kesan pengabaian Sistem Ekonomi Islam. - Matlamat negara yang baik tidak tercapai (1m) kerana tidak mendapat pengampunan Allah SWT (1m). - Amalan riba berleluasa (1m) menyebabkan golongan pemodal semakin kaya manakala golongan miskin semakin tertindas (1m) - Nilai moral semakin terhakis serta berleluasa (1m) seperti gejala rasuah, penipuan dan eksploitasi ekonomi (1m) - Pengagihan harta yang tidak adil (1m) kerana pemilikan harta yang hanya tertumpu kepada kelompok atasan sahaja (1m) - Ekonomi sesebuah negara akan hancur (1m) yang menyebabkan keharmonian hidup masyarakat akan terjejas (1m)	2 isi x 2m 4 markah

No. Soalan			Jawapan	Markah
2	(a)		Maksud Alam Dunia Alam nyata (1m) yang kita diami saat ini (1m)	1 isi x 2m 2 markah
	(b)	(i)	Dua tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap sesama jiran. - Memelihara hak jiran(1m) agar wujud keharmonian(1m) - Menjalin hubungan silaturahim (1m) supaya perpaduan dikekalkan. (1m) - Sentiasa hormat-menghormati (1m) agar hidup sejahtera (1m)	2 isi x 2m 4 markah
	(b)	(ii)	Dua kedudukan akal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT: - Kurniaan Allah yang paling istimewa kepada manusia (1m) agar menjadi manusia yang berguna. (1m) - Membantu memahami kandungan wahyu (1m) supaya sentiasa mematuhi syariat Islam (1m) - Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu (1m) bagi mengelakkan kejahilan. (1m) - Menjadi syarat penerimaan taklif Syariat Islamiah (1m) bagi manusia yang sempurna akal (1m) - Mempunyai keterbatasan menjelaskan sesuatu (1m) seperti perkara ghaib (1m)	2 isi x 2m 4 markah
	(c)		Dua matlamat sistem kehakiman Islam - Menegakkan keadilan - Menentang kezaliman - Membela orang yang dizalimi	2 isi x 1m 2 markah
	(d)		Etika hakim yang bersesuaian: - Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak pendakwa (1m) supaya wujud keadilan (1m) - Hakim dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya (1m) seperti keluarga, rakan dan sebagainya (1m)	1 isi x 2m 2 markah

	(e)	Sebagai seorang murid, huraikan tindakan yang boleh dilakukan di sekolah bagi menjauhkan diri daripada terlibat dengan kes disiplin. Cadangan jawapan: Mematuhi peraturan agama (1m) agar mewujudkan perasaan takut untuk membuat kesalahan(1m) seperti menunaikan solat (1m) yang dapat meningkatkan keimanan kepada Allah. (1m) Kesannya kes disiplin berkurangan.(1m) Kesimpulannya kita hendaklah mengamalkan perundangan Islam agar dapat menjauhi perbuatan yang dilarang oleh agama dan undang-undang Islam(1m) Cadangan isi: - Menuntut ilmu - Mengisi masa dengan perkara berfaedah - Memilih rakan yang baik *Mana- mana jawapan munasabah diterima	6 isi x 1m 6 markah
--	-----	--	-----------------------------------

No. Soalan			Jawapan	Markah
3	(a)	(i)	Dua hak asasi sistem sosial Islam - Kebebasan beragama - Kebebasan bersuara - Perlindungan nyawa - Kehormatan diri - Pemilikan harta	2 isi x 1m 2 markah
		(ii)	Dua aktiviti - Gotong-royong membersihkan kawasan sekolah(1m) yang melibatkan semua pelajar dan guru (1m) - Program RIMUP (1m) kerana dapat menjalinkan hubungan baik antara kaum(1m) - Melaksanakan sukaneka(1m) agar dapat mengeratkan silaturahim antara peserta(1m)	2 isi x 2m 4 markah
	(b)	(i)	Bagaimanakah peranan sebagai seorang suami dapat merealisasikan pembinaan keluarga Islam? Cadangan jawapan: -Sentiasa menjadi suami yang baik (1m) seperti memberi nafkah yang cukup kepada ahli keluarga (1m) Kesannya dapat mewujudkan suasana keluarga yang harmoni(1m).Kesimpulannya kita hendaklah menjadi ketua keluarga yang bertanggungjawab agar berjaya mewujudkan keluarga yang bahagia(1m) Cadangan isi: - menjadi pemimpin - melindungi keluarga - memberi pendidikan yang sempurna - berlaku adil jika berpoligami - menyediakan keperluan nafkah	4 isi x 1m 4 markah
	(d)	(i)	Dua prinsip negara Islam. - Al-Syura/ Musyawarah - Al-Adalah/ Keadilan - Al Hurriyyah/ Kebebasan - Al Musawah/ Persamaan	2 isi x 1m 2 markah

	(ii)	Dua kesan pengabaian tanggungjawab sebagai rakyat. - Hilang rasa taat setia terhadap khalifah (1m) kerana lalai melaksanakan tanggungjawab (1m) - Keselamatan negara terancam (1m) kerana tidak menitikberatkan isu keselamatan (1m) - Mencetuskan perbalahan dalam kalangan masyarakat (1m) kerana tidak bersatu padu(1m) - Membiarkan kepincangan berlaku dalam pemerintahan (1m) seperti amalan rasuah (1m) - Berlaku kemungkaran secara berleluasa (1m) seperti pembunuhan (1m)	2 isi x 2 m 4 markah
	(e)	Dua kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab khilafah. - Mendapat keredaan Allah swt (1m) kerana memimpin berteraskan al Quran dan al Hadis (1m) - Dapat mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat (1m) melalui sikap saling menghormati dan bertoleransi dalam masyarakat.(1m) - Dapat menjamin keamanan negara (1m) kerana kestabilan sistem tadbir urus (1m) - Dapat memastikan keadilan dilaksanakan kepada semua pihak(1m) agar rakyat tidak berasa dizalimi (1m)	2 isi x 2m 4 markah

No. Soalan		Jawapan	Markah
4	(a)	Dua ciri-ciri akhlak menurut Islam. - Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah - Tetap dan tidak berubah sepanjang zaman - Berlandaskan fitrah kejadian manusia - Meliputi semua aspek kehidupan	2 isi x 1m 2 markah
	(b)	Dua kepentingan akhlak terhadap keluarga menurut Islam - Membentuk sebuah keluarga bahagia (1m) yang melaksanakan tuntutan agama (1m) - Saling bertolak ansur dan bantu membantu (1m) untuk perkara kebaikan (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2m 4 markah
	(c)	Dua pengamalan akhlak tolong-menolong - Suka menghulurkan bantuan (1m) seperti membantu rakan yang berada dalam kesusahan (1m) - Cepat membantu apabila orang lain memerlukan pertolongan (1m) agar memupuk semangat persaudaraan(1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2 m 4 markah
	(d)	Dua jenis muamalat Islam. - Al-Wadiah - Al-Mudarabah - Al-Murabahah - Al-Musyarakah - Al-Rahnu - Al-Ijarah - Al-Bai' Bithaman Ajil - Takaful	2 isi x 1m 2 markah

(e)	(i)	Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat hari ini masih terpengaruh dengan sistem kewangan yang haram? Berikan hujah anda. Cadangan jawapan : Kurang pemahaman agama (1m) kerana tidak mengambil peduli terhadap tuntutan agama (1m). Kesannya kehidupan sentiasa terjerumus dengan perkara haram (1m). Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan muamalat Islam agar terhindar daripada riba'. (1m) Cadangan isi - Mengikut kawan yang tidak baik - Mengejar kesenangan dunia Mana-mana jawapan munasabah diterima	4 isi x 1m 4 markah
	(ii)	Bagaimanakah Muamalat Islam dapat membantu para peniaga untuk memajukan perniagaan mereka? Berikan hujah anda. Cadangan jawapan : Memberikan modal berniaga (1m) melalui kaedah Muamalat yang patuh syariah (1m) seperti al-Mudarabah. (1m) Oleh itu, kita hendaklah menerapkan Muamalat Islam dalam kehidupan agar ekonomi maju. (1m) Cadangan isi - Memberi ilmu keusahawanan Islam - Tiada unsur penindasan Mana-mana jawapan munasabah diterima	4 isi x 1m 4 markah

No. Soalan			Jawapan	Markah
5	(a)	(i)	Dua fungsi wahyu terhadap akhlak: - Panduan dalam pembentukan akhlak mulia (1m) bagi melahirkan umat yang bertanggungjawab (1m) - Menetapkan hukum-hukum praktis (1m) yang berkaitan dengan akhlak (1m) - Membimbing masyarakat (1m) untuk berinteraksi antara satu sama lain (1m)	2 isi x 2m 4 markah
		(ii)	Dua faktor yang mengakibatkan ketagihan bahan lucah - Pengaruh rakan sebaya yang negatif - Kurang didikan agama - Kurang perhatian ibubapa - Laman web mudah diakses - Perasaan ingin tahu Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 1m 2 markah
	(b)	(i).	Huraikan kesan ketagihan pornografi kepada remaja. Cadangan isi: Merosakkan akal (1m) kerana mendorong kepada maksiat berleluasa (1m) yang menyebabkan berlakunya kes zina (1m) Kesimpulannya kita hendaklah memelihara akal untuk mengelakkan generasi masa kini terjebak dengan perkara negatif (1m) Cadangan jawapan: - Meruntuhkan institusi keluarga - Urusan harian terganggu - Jenayah meningkat	4 isi x 1m 4 markah
		(ii)	Dua matlamat sistem perundangan Islam: - Memelihara agama - Memelihara nyawa - Memelihara keturunan - Memelihara harta - Memelihara akal	2 isi x 1m 2 markah

	(iii)	Dua cara membanteras gejala minum arak daripada terus mengancam keselamatan nyawa manusia. - Hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak (1m) agar tidak mengulangi kesalahan (1m) - Pihak berkuasa membanteras penyeludupan arak (1m) supaya perkara ini dapat diatasi (1m) - Kerajaan mengharamkan penjualan arak kepada orang Islam (1m) kerana ini adalah larangan agama (1m) - Menguatkuasakan undang-undang kawalan arak (1m) agar tidak berleluasa (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2m 4 markah
	(d)	Dua kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. - Menjaga akidah umat Islam daripada terpesong (1m) seperti tiada unsur syirik (1m) - Menjamin keselamatan diri (1m) agar terhindar daripada perkara membahayakan nyawa (1m) - Memastikan akal manusia terpelihara (1m) supaya tidak melakukan perkara yang merosakkan pemikiran (1m) - Memperoleh harta secara halal (1m) agar tidak berlaku pencerobohan harta (1m)	2 isi x 2m 4 markah

No. Soalan		Jawapan	Markah
6	(a)	Keistimewaan sistem sosial Islam ialah : - Bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah (1m) untuk dijadikan rujukan. (1m) - Menjaga hak Asasi manusia (1m) agar dapat mewujudkan keadilan. (1m) - Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera (1m) supaya keharmonian dapat dikekalkan. (1m) - Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia (1m) untuk mewujudkan sifat toleransi ke arah kebaikan. (1m)	2 isi x 2m 4 markah
	(b)	Tindakan bagi merealisasikan sistem sosial Islam: - Mengadakan program RIMUP (1m) untuk mewujudkan perpaduan. (1m) - Mengadakan sukaneka (1m) untuk mengeratkan silaturahim. (1m)	1 isi x 2m 2 markah
	(c)	Dua adab dan etika dalam berhibur menurut Islam: - Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan (1m) agar mendapat keberkatan dari Allah SWT. (1m) - Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak (1m) agar mendapat keredhaan Allah swt. (1m) - Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam (1m) agar boleh menambah keimanan kepada sang pencipta. (1m) - Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur (1m) supaya mendapat keberkatan dalam hidup. (1m) - Menghasilkan karya hiburan yang asli (1m) agar integriti terjaga. (1m) - Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas (1m) supaya menjaga akhlak dari tersasar. (1m) - Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat (1m) agar amalan di terima Allah swt. (1m) - Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain (1m) agar dapat menjaga suasana kekal harmoni. (1m)	2 isi x 2m 4 markah

(d)	Dua kepentingan adab dan etika kesenian Islam. - Mengakui dan meyakini Kekuasaan Allah SWT (1m) kerana Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan. (1m) - Dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah swt (1m) agar lebih cinta kepada akhirat. (1m) - Memenuhi fitrah manusia (1m) kerana menyukai keindahan selari dengan syarak. (1m) - Dapat mengetahui batasan manusia dalam berkarya (1m) untuk mendapat keberkatan dalam hidup. (1m) - Memberi panduan dalam menghasilkan seni (1m) untuk menepati nilai-nilai akhlak Islam. (1m) - Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam (1m) bagi membuktikan keindahan agama yang benar. (1m)	2 isi x 2m 4 markah
(e)	Maksud Khalifah ialah : - Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT (1m) untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT. (1m)	1 isi x 2m 2 markah
(f)	Cadangan jawapan: Menyediakan peraturan yang lengkap dan sempurna (1m) agar masyarakat hidup dalam negara aman damai. (1m) Kesannya nikmat keamanan dapat dinikmati zaman berzaman. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah mematuhi segala perintah Allah SWT agar agama Islam dipandang mulia. (1m) Cadangan isi: - Meninggikan syariat & syiar Islam - Mematuhi peraturan & undang-undang negara - Mementingkan sikap saling menghormati dan bertoleransi dalam masyarakat - Menjalankan tadbir urus yang menjamin keamanan dan kestabilan negara. - Melaksanakan keadilan terhadap semua pihak	4 isi x 1m 4 markah

TAMAT PANDUAN PEMARKAHAN